

UNSUR EUFEMISME DALAM NOVEL *PAPA* DAN *AZFA HANANI*

Noor Hatini binti Zolkifli

thisheart_hatini87@yahoo.com

Siti Saniah Abu Bakar

saniah@fbk.upsi.edu.my

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Makalah ini meneliti penggunaan unsur eufemisme dalam novel, iaitu penggantian perkataan yang dianggap tabu atau kasar. Novel bertajuk *Papa* digunakan di sekolah-sekolah di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, manakala novel *Azfa Hanani* pula digunakan di sekolah-sekolah di negeri Perak, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Kajian ini menggunakan dua kaedah untuk memperoleh data, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Dapatan kajian menunjukkan novel *Azfa Hanani* menggunakan sebanyak 36 unsur eufemisme atau sebanyak 57.1 peratus. Novel *Papa* menggunakan 27 unsur eufemisme, iaitu sebanyak 42.9 peratus. Berdasarkan unsur eufemisme tersebut, didapati sebanyak 11 unsur dalam dialog yang terdapat dalam novel *Papa* dan novel *Azfa Hanani* mengandungi enam unsur dalam dialog yang menepati Maksim Santun Leech (1993). Penggunaan unsur eufemisme perlu lebih diberi perhatian oleh guru, pelajar dan penulis kerana unsur eufemisme merupakan bahasa sopan yang bersesuaian dengan peringkat umur pelajar. Penggunaan unsur eufemisme dalam kehidupan seharian dapat melahirkan pelajar dan masyarakat yang lebih santun dalam pemilihan bahasanya.

Kata kunci: eufemisme, santun berbahasa, Komsas, novel, dunia remaja

Abstract

This article examines the euphemisms used in two novels to replace words which are considered harsh or taboo. The novel Papa is used in schools throughout Selangor, Negeri Sembilan, Federal Territory and Putrajaya, while Azfa Hanani is used in schools in Perak, Kedah, Perlis and Pulau Pinang. This study used two methods of obtaining data: library research and textual analysis research. The findings show that a large number of euphemisms are used in Azfa Hanani; a total of 36 examples (57.1 percent). Meanwhile, there are 27 examples (42.9 percent) in Papa. Based on these findings, a total of 11 elements from the dialogue in Papa and six elements from Azfa Hanani conformed to Leech's Politeness Principles (1993). The use of euphemisms should be given more attention by teachers, students and novelists particularly for school-based research as they are a form of politeness suitable for frequent use so as to increase politeness in society through the choice of words used.

Keywords: euphemism, politeness, novel, Komsas, teenage world

PENDAHULUAN

Gaya bahasa eufemisme ini didapati amat kerap digunakan dalam kalangan masyarakat secara sedar atau tidak sedar dan tergolong dalam bentuk kiasan halus yang menjadi pengenalan identiti masyarakat Melayu.

Eufemisme mungkin berasal daripada kata Yunani yang bermaksud pemakaian kata-kata atau pernyataan dalam bentuk perkataan ataupun frasa yang bersifat lebih lembut dan manis. Dalam masyarakat dan budaya Melayu, biasanya penggunaan eufemisme ini sering merujuk kepada sesuatu kata yang dianggap lebih lembut atau sederhana, lebih baik atau menyenangkan, dan kurang berterus-terang sifatnya bagi memperkatakan sesuatu yang mungkin boleh dianggap kasar, keras, menakutkan, menghina atau menyinggung perasaan seseorang. Eufemisme boleh juga ditukarkan kata-kata tabu menjadi lebih bermakna dan tidak memakan diri sendiri (Teo, 1995).

Pengetahuan dan penguasaan aspek kesantunan berbahasa, iaitu dimensi tabu atau larangan berbahasa bukan sahaja penting untuk seseorang itu dianggap sopan, beradab, dan beradab, tetapi yang lebih penting ialah pengalaman perlakuan bahasa Melayu ini melambangkan

bahawa seseorang itu peka serta prihatin kepada nilai dan sikap tentang penguasaan bahasa Melayu yang dikaitkan dengan tanggapan atau konsep tabu bahasa (Zuraidah, 2009).

Kajian ini dilakukan untuk meneliti sejauh mana unsur ini digunakan pakai dalam dua buah novel yang menjadi pilihan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk pelajar peringkat sekolah menengah.

EUFEMISME

Keris Mas (1988) menjelaskan bahawa dalam kiasan Melayu memang sudah ada sejenis gaya kiasan halus yang biasanya berbentuk ungkapan atau simpulan bahasa yang mengandungi isi atau pengertian kurang menyenangkan, seperti pengertian tentang kesedihan, kemalangan, kerugian dan sebagainya. Orang tidak sampai hati untuk menambah rasa sedih dan malang terhadap yang terlibat lalu diucapkan dengan ungkapan atau ayat-ayat yang halus yang dapat difahami maknanya. Misalnya, ungkapan atau simpulan bahasa untuk erti mati, dikatakan *meninggal dunia, berpulang ke rahmatullah, telah mendahului kita*.

Abdul Chaer (1995) menjelaskan bahawa penghalusan (ufemia) dalam pembicaraan mengenai perubahan makna yang meluas, menyempit, atau berubah secara total, kita berhadapan dengan sebuah kata atau bentuk yang tetap. Hanya konsep makna mengenai kata atau bentuk itu yang berubah. Dalam pembicaraan mengenai penghalusan ini kita berhadapan dengan gejala ditampilkannya kata-kata atau bentuk-bentuk yang dianggap memiliki makna yang lebih halus, atau lebih sopan daripada yang akan digantikan.

Eufemisme adalah penggunaan kata-kata tertentu yang tidak tepat untuk menggantikan kata-kata yang dianggap kasar, keras atau menyakitkan. Perkataan seperti *meniduri* untuk melakukan *hubungan seks, berbadan dua* untuk *bunting* dan *meninggal dunia* untuk mati, ialah contoh eufemisme (Rahman Shaari, 2002). Tujuannya adalah supaya konsep atau hal tertentu sampai kepada pemahaman pendengar atau pembaca, tetapi tidak menyinggung perasaannya. Peribahasa *nyieur ditebuk tupai* yang ditujukan kepada gadis yang kehilangan daranya, sama ada dirogol atau melakukan hubungan seks atas kerelaan, bukanlah eufemisme kerana dengan peribahasa itu masyarakat tidak memperhalus peristiwa yang menimpa si gadis. Ayat *saya hendak ke belakang* ialah eufemisme bagi maksud *hendak ke tandas untuk buang air*. *Buang air* itu sendiri ialah eufemisme yang membawa maksud *kencing* (buang air kecil). Istilah lain ialah kiasan halus. Lawan kepada eufemisme ialah disfemisme.

Gorys Keraf (2005) berpendapat bahawa eufemisme ialah acuan berupa ungkapan yang halus untuk menggantikan acuan yang mungkin dirasakan menghina, menyinggung perasaan, atau mencadangkan sesuatu yang tidak menyenangkan. Manakala *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (2005) memberikan tafsiran eufemisme sebagai ungkapan yang lebih halus sebagai pengganti ungkapan yang dirasakan kasar yang dianggap merugikan atau tidak menyenangkan, misalnya *meninggal dunia* untuk *mati*. Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005) pula menyatakan eufemisme ialah sejenis gaya bahasa pertautan yang mengandungi kata atau ungkapan yang lebih halus sebagai pengganti kata-kata atau ungkapan tertentu yang dianggap kasar, keras, tidak menyenangkan, merugikan atau menyakitkan.

Ariff Mohamad dan Siti Khairiah Mohd Zubir (2009) dalam buku *Kesusasteraan dalam Pengajaran Bahasa Melayu* menjelaskan bahawa kata eufemisme atau eufemismus diturunkan daripada kata Yunani, *euphemizen* yang bererti menggunakan kata-kata dengan erti yang baik atau dengan tujuan baik. Sebagai gaya bahasa, eufemisme adalah seperti acuan berupa ungkapan-ungkapan yang tidak menyinggung perasaan orang, atau ungkapan yang halus untuk menggantikan acuan-acuan yang mungkin dirasakan menghina, menyinggung perasaan atau mencadangkan sesuatu yang tidak menyenangkan.

Dapat dikatakan, unsur eufemisme bertentangan dengan hiperbola, iaitu ungkapan kiasan yang berlebih-lebihan atau dibesar-besarkan untuk memperoleh kesan tertentu dan tidak bertujuan ditafsirkan secara perkataan demi perkataan. Selain itu, unsur eufemisme ialah gaya bahasa yang menggunakan ungkapan-ungkapan lain dengan maksud memperhalus. Eufemisme juga dapat disimpulkan sebagai ungkapan atau kiasan yang diperhalus supaya lebih manis didengar dan tidak mengandungi makna yang kasar.

PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu yang dianalisis, didapati kajian tentang eufemisme masih kurang mendapat tempat dalam kalangan pengkaji bahasa terutama mengenai penggunaan eufemisme dalam novel. Walaupun telah ada kajian yang dilakukan tentang novel Komsas dan juga unsur eufemisme, namun unsur eufemisme dalam novel Komsas masih belum dikaji terutamanya dalam novel *Papa* dan *Azfa Hanani* yang baru sahaja digunakan pada tahun 2010.

Kajian terhadap unsur eufemisme pernah dilakukan oleh Zuraidah Jantan (2009), yang membandingkan novel *Mereka Yang Tertewas* yang dihasilkan oleh pengarang lama dan novel *Black Widow* yang dihasilkan oleh pengarang baharu. Zaidi Ismail (2005) pula telah mengkaji unsur eufemisme dalam bahasa Indonesia berdasarkan *Kamus Besar Indonesia*.

Antara kajian terdahulu yang melibatkan analisis kajian novel Komsas ialah Mohd Hashim Md. Nor (2001) dalam tesis Sarjana Mudanya yang bertajuk “*Analisis Penggunaan Kata Pelengkap dalam Novel Perlumbaan Kedua*”, telah mengenal pasti kekerapan penggunaan kata pelengkap dalam novel tersebut. Selain itu, Nor Fazilah Nata (2001) dalam tesis Sarjana Mudanya yang bertajuk “*Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Novel Terminal Tiga Suatu Analisis Makna*” telah menganalisis penggunaan kata sendi nama dari aspek makna serta kekerapan penggunaan kata sendi nama yang terdapat dalam novel. Syarul Ainul Mardziah (2002) dalam tesis Sarjana Mudanya yang bertajuk “*Analisis Penggunaan Penjodoh Bilangan Berserta Unsur Pepaduan dalam Novel Di Hadapan Pulau*” pula melihat sejauh mana penulisan penceritaan novel tersebut mengikut hukum tatabahasa Melayu yang ditetapkan dalam penggunaan penjodoh bilangan. Roslah Yaacob (2002) dalam tesisnya yang bertajuk “*Binaan ‘Dengan’ dalam Novel Aku Anak Timur: Satu Analisis Sintaksis Dan Semantik*” telah menganalisis frasa sendi nama *dengan* dalam ayat tunggal bahasa Melayu yang terdapat dalam novel tersebut.

Berdasarkan maklumat tersebut, dirasakan perlu ada kajian lanjut untuk meneliti unsur eufemisme dalam novel Komsas memandangkan sehingga kini masih belum ada kajian yang menyentuh secara khusus berhubung kajian seumpama ini. Kajian ini dilakukan untuk melihat kekerapan, membandingkan serta membincangkan kemungkinan penggunaan unsur eufemisme dalam dua buah novel terpilih, iaitu *Papa* dan *Azfa Hanani*.

Kajian ini bermatlamat untuk meneliti unsur eufemisme dalam novel, iaitu novel *Papa* dan *Azfa Hanani*. Tujuan kajian adalah untuk melihat kekerapan penggunaan unsur eufemisme. Seterusnya perbincangan tentang kemungkinan faktor-faktor eufemisme ini digunakan dalam dialog-dialog yang terdapat dalam kedua-dua novel tersebut berdasarkan Prinsip Kesopanan (Leech, 1993), yang memfokuskan kepada Maksim Santun.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan atau dikenali sebagai tinjauan pustakaan untuk mengumpul data novel. Data kajian yang dipilih ialah novel yang digunakan dalam Komponen Sastera (Komsas) Tingkatan Empat tahun 2010, iaitu *Papa* dan *Azfa Hanani*. Novel *Papa* karya Deana Yusof digunakan di sekolah-sekolah di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, manakala novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah digunakan di sekolah-sekolah di negeri Perak, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

Bagi menganalisis kekerapan penggunaan eufemisme ini, data ditunjukkan dalam jadual bagi memudahkan penerangan dan penjelasan. Data yang dipaparkan akan dilabelkan seperti (H26/P2/B6), iaitu H26 untuk halaman 26, P2 untuk perenggan 2 dan B6 ialah baris 6. Data yang mengandungi eufemisme sahaja dipaparkan dan dilabelkan bagi memudahkan pembaca merujuk novel sebenar.

PENDEKATAN KAJIAN

Geoffrey Leech (1993), dalam Prinsip Kesopannya menekankan kecenderungan untuk bersikap hormat dan bukannya berkonflik dalam jalinan sosial. Secara umumnya, Prinsip Kesopanan dalam sesuatu ujaran perlu mengurangkan ungkapan pendapat yang tidak beradab sebaliknya membanyakkan ungkapan pendapat yang beradab. Terdapat enam maksim dalam Prinsip Kesopanan yang diketengahkan oleh Leech, iaitu maksim santun, maksim kedermawanan, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dan maksim simpati. Namun begitu, kajian ini menumpukan hanya pada satu maksim, iaitu Maksim Santun.

Maksim Santun, iaitu meminimumkan kos bagi orang lain dan memaksimumkan manfaat bagi orang lain. Lakukan tertentu yang dilakukan oleh penutur dinilai berasaskan apa yang diandaikan oleh penutur sebagai kosnya atau untungnya kepada pendengar. Satu cara untuk membuat skala kesopanan menurut Leech adalah dengan mengekalkan isi, maksud atau tujuan dan tingkatan darjah kesopanan dengan menggunakan jenis ilokusi yang tidak terus kepada tujuannya. Ilokusi yang tidak terus selalunya lebih beradab oleh sebab peluang pilihan akan bertambah. Budaya timur terutamanya budaya Melayu yang mementingkan kesopanan selalunya mengamalkan ilokusi ini, iaitu “berlapik” semasa berbicara.

DAPATAN KAJIAN**Unsur Eufemisme dalam Novel *Papa***

Jadual 1 menunjukkan unsur eufemisme yang telah diteliti dan diperoleh daripada novel *Papa* karya Deana Yusof.

Jadual 1 Unsur eufemisme dalam novel *Papa*.

Bil.	Unsur Eufemisme	Kata-kata Asal
1	tidak sedap badan	sakit
2	pembantu rumah	orang gaji/kuli
3	menaja papa	gigolo (laki-laki upahan yang dipelihara oleh seorang wanita sebagai teman atau kekasihnya)
4	senyuman yang agak hambar	senyuman yang tidak ikhlas
5	tidak berhati perut	kejam
6	sesuatu yang tak baik	malapetaka
7	tumpah darah	gugur
8	meninggal dunia	mati
9	ditengah-tengah keriuhan	bising
10	kehilangan keluarganya	keluarganya mati
11	melelapkan mata	tidur
12	tidur yang terlalu lama	koma
13	berang	marah
14	baik kalau nak mengena	jahat
15	manusia sasau	gila
16	telah hilang	mati
17	menggantikan tempat mama	berkahwin lain
18	pembawa budak	hamil/mengandung
19	hatiku pecah berderai	kecewa
20	masih mentah	kebudak-budakan
21	ayah mencari kawan seorang lagi	ayah berkahwin lagi
22	perkongsian nafsu yang tidak terbatas	seks luar nikah
23	menduakan mama	berkahwin lain
24	desakan naluri	nafsu

sambungan Jadual 1

Bil.	Unsur Eufemisme	Kata-kata Asal
25	kawan mama	madu mama
26	acara bertegang leher	bergaduh/bertekak
27	menghembus nafas yang terakhir	mati

Unsur Eufemisme dalam Novel *Azfa Hanani*

Jadual 2 pula menunjukkan unsur eufemisme yang telah diteliti dan diperoleh daripada novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah.

Jadual 2 Unsur eufemisme dalam novel *Azfa Hanani*.

Bil.	Unsur Eufemisme	Kata-kata Asal
1	marhaen	rakyat jelata
2	titis-titis bening	air mata
3	menyekat keinginan	menghalang
4	tidak mampu menyediakan	miskin
5	meninggalkan alam fana	mati
6	yang telah pergi	mati
7	meninggal dunia	mati
8	telah pergi buat selama-lamanya	mati
9	habis umur	mati
10	berputih mata	kempunan
11	tak sebulu	tidak suka
12	tidak sehaluan	tidak ngam
13	hidung tinggi	sombong/bongkak
14	telah tiada di alam fana	telah mati
15	disemadikan	dikebumikan
16	merah padam	malu
17	kematian bicara	kelu
18	menumpang	ambil kesempatan
19	sudah tiada lagi	sudah mati
20	sembur	maki
21	hatiku diamuk gelora	lecewa yang teramat

sambungan Jadual 2

Bil.	Unsur Eufemisme	Kata-kata Asal
22	tidak sedar diri diuntung	lupa diri
23	keperitan hidup	miskin
24	gelora cemburu yang sia-sia	cemburu buta
25	ketinggalan teknologi	ketinggalan zaman/kolot
26	meruntun hati	sedih
27	kecil hati	kecewa
28	berbadan dua	mengandung
29	dipindah milik	diberikan/ditukarkan
30	gejala kurang sihat	masalah sosial
31	menjamu selera	makan
32	memandang sebelah mata	memandang hina
33	sudah tiada	sudah mati
34	memandang rendah	menghina
35	patah hati	kecewa
36	menemui ajal	mati

Berdasarkan data kajian ini, didapati terdapat unsur eufemisme dalam kedua-dua buah novel yang dikaji. Hasil kajian yang telah diperoleh mendapati bahawa sebanyak 27 unsur eufemisme telah dikenal pasti dalam novel *Papa* karya Deana Yusof seperti dalam Jadual 1, dan 36 unsur eufemisme telah dikenal pasti dalam novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah seperti dalam Jadual 2.

Perbandingan Kekerapan Unsur Eufemisme dalam Novel *Papa* dan Novel *Azfa Hanani*

Jadual 3 yang berikut pula ialah data kajian yang menunjukkan kekerapan dan peratusan kekerapan penggunaan unsur eufemisme dalam kedua-dua buah novel yang dikaji.

Jadual 3 Kekerapan dan peratusan unsur eufemisme dalam novel *Azfa Hanani* dan *Papa*.

Novel	Bilangan	Peratus (%)
Novel <i>Azfa Hanani</i>	36	57.1
Novel <i>Papa</i>	27	42.9
Jumlah	63	100

Berdasarkan data yang diperoleh dalam Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa novel *Azfa Hanani* lebih kerap menggunakan unsur eufemisme, iaitu sebanyak 36 unsur atau 57.1 peratus berbanding dengan novel *Papa* yang didapati menggunakan unsur eufemisme sebanyak 27 unsur atau 42.9 peratus sahaja.

Prinsip Kesopanan Leech melibatkan perbualan antara penutur dengan pendengar. Menurut Geoffrey Leech (1990), Maksim Santun ialah maksim yang meminimumkan kos bagi orang lain dan memaksimumkan manfaat bagi orang lain. Lakuan tertentu yang dilakukan oleh pendengar dan penutur dinilai berasaskan apa yang diandaikan oleh penutur sebagai kosnya atau untungnya perlakuan itu kepada penutur atau pendengar.

Dapat dirumuskan bahawa Maksim Santun mempunyai sebab dan tujuan yang positif dalam ujaran dan memberi manfaat kepada penutur dan pendengar yang mementingkan emosi kedua-dua belah pihak.

Analisis Unsur Eufemisme dalam Dialog yang Terdapat dalam Novel Berdasarkan Maksim Santun Leech

Jadual 4 menunjukkan analisis dapatan kajian yang melibatkan penggunaan unsur eufemisme dalam pengucapan watak-watak atau dialog yang terdapat dalam novel *Papa* yang menepati Maksim Santun dalam Prinsip Kesopanan Leech (1993).

Jadual 4 Analisis berdasarkan maksim santun dalam novel *Papa*.

Bil.	Unsur Eufemisme	Kata-kata Asal
1	menaja papa	gigolo (laki-laki upahan yang dipelihara oleh seorang wanita sebagai teman atau kekasihnya)
2	sesuatu yang tak baik	malapetaka
3	meninggal dunia	mati
4	tidur yang terlalu lama	koma
5	baik kalau nak mengena	jahat
6	pembawa budak	hamil/mengandung
7	masih mentah	kebudak-budakan
8	mencari kawan seorang lagi	berkahwin lagi
9	perkongsian nafsu yang tidak terbatas	seks luar nikah
10	dah tak ada	mati

Yang berikut dihuraikan dan dijelaskan dialog-dialog yang mengamalkan Maksim Santun dalam Prinsip Kesopanan Leech (1993) yang diteliti wujud dalam novel *Papa* karya Deana Yusof.

“Ada sekali dulu, kami nak pergi makan di Jalan Klang Lama. Sedang kami berjalan masuk ke sebuah restoran di situ, seorang anak gadis yang boleh dikategorikan sebagai cantik telah menegur papa. Katanya, dia dah lama mengikuti jalur hidup papa dan dia kini telah bersedia untuk **menaja papa**.”

(H26/P2/B6)

Perkataan **menaja papa** yang dimaksudkan oleh watak mama dalam perbualan tersebut ialah **gigolo**. Menurut *Kamus Dewan* Edisi Keempat, perkataan **gigolo** bererti lelaki upahan yang dipelihara oleh seorang wanita sebagai teman atau kekasihnya. Makna dalam konteks ayat tersebut ialah anak gadis tersebut mahu menjadikan papa sebagai gigolonya atau menaja hidup papa. Perkataan **menaja papa** ialah unsur eufemisme kerana perkataan tersebut telah menggantikan perkataan sebenar yang dianggap kasar dan tidak sedap didengar, iaitu **gigolo**.

Ayat perbualan tersebut menepati Maksim Santun yang dikemukakan oleh Leech, iaitu meminimumkan kos bagi orang lain dan memaksimumkan

manfaat bagi orang lain. Dalam konteks ayat tersebut, mama yang bertindak sebagai penutur telah mengamalkan Maksim Santun dalam ujaran kata-katanya dengan menggunakan perkataan yang sopan untuk menjaga kepentingan lawan bicaranya. Mama yang bertindak sebagai penutur telah meminimumkan kos bagi pendengar, iaitu Julia. Penutur menghaluskan perkataan **gigolo** kepada perkataan yang lebih sedap didengar, iaitu **menaja papa** untuk menjaga perasaan pendengar, iaitu Julia.

Ujaran tersebut telah memanfaatkan kos bagi orang lain, iaitu kepada Julia atau pendengar yang masih muda remaja. Julia menerima perkataan yang lebih sopan dan perkataan tersebut lebih sesuai dengan peringkat umurnya. Selain itu, ujaran yang lebih berlapik tersebut dapat menyelamatkan tanggapan yang tidak baik Julia terhadap mamanya kerana telah mengamalkan kesantunan dalam berbicara dengan remaja yang masih muda walaupun mereka mesra dan akrab.

“Andainya berlaku **sesuatu yang tak baik** pada Lia, macam mana bang?” Tanya mama sambil matanya tepat memandang papa yang sedang mencecahkan cawan teh O limau yang agak panas ke bibirnya.

(H43/P1/B1)

Ayat **sesuatu yang tidak baik** yang dimaksudkan oleh watak dalam perbualan tersebut ialah **malapetaka**. *Kamus Dewan* Edisi Keempat menjelaskan bahawa berbagai-bagai kesusahan, iaitu bencana, kecelakaan dan kesengsaraan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa perkataan **malapetaka** itu kasar dan tidak sedap didengar oleh pendengar serta tidak sopan disebut oleh penutur. Perkataan **sesuatu yang tidak baik** ialah unsur eufemisme kerana perkataan tersebut telah menghaluskan perkataan asalnya yang kasar dan kurang enak didengar, iaitu **malapetaka**.

Perbualan tersebut menepati Maksim Santun kerana penutur, iaitu mama telah mengamalkan kesantunan dalam bicaranya untuk menjaga perasaan pendengar, iaitu papa. Dalam ayat tersebut, penutur, iaitu mama telah meminimumkan kos pendengar, iaitu papa, dengan menuturkan ujaran yang sopan untuk menjaga hati papa apabila bercakap tentang isu yang sensitif seperti yang dinyatakan dalam perbualan tersebut. Maksud mama dalam ayat **sesuatu yang tidak baik** ialah komplikasi yang menyebabkannya koma semasa dia melahirkan anak pertama, Julia, sehingga menyebabkan dia tidak mampu menjaga dan menyusukan anak pertama mereka.

Ujaran mama yang menepati Maksim Santun telah memaksimumkan manfaat pendengar, iaitu papa. Penutur telah mengungkapkan perkataan **malapetaka** dengan perkataan yang lebih santun dan menjaga emosi lawan bicaranya. Isu yang dibangkitkan adalah sangat sensitif kerana melibatkan kenangan pahit yang pernah wujud dalam sejarah hidup mereka.

“Isteri encik telah selamat melahirkan dua orang anak kembar, tetapi kedua-duanya telah **meninggal dunia** sewaktu masih dalam kandungan lagi. Anak encik itu kembar siam. Bahagian belakangnya melekat dari kepala hingga bahagian punggung.” Doktor menerangkan kepada papa dan aku telah mendengarnya dengan jelas.

(H59/P7/B2)

Perkataan **meninggal dunia** dalam perbualan tersebut membawa maksud **mati**. Menurut *Kamus Dewan* Edisi Keempat, perkataan **mati** ditakrifkan sebagai tidak bernyawa lagi atau tidak hidup lagi. Perkataan **meninggal dunia** yang digunakan dalam perbualan tersebut ialah unsur eufemisme yang telah menghaluskan perkataan **mati** yang lebih kasar sebutan dan penggunaannya dalam ayat khususnya dalam perbualan.

Ayat tersebut menepati Maksim Santun kerana doktor yang bertindak sebagai penutur telah mengamalkan kesantunan semasa berbicara dengan papa yang bertindak sebagai lawan bicara kepada doktor.

Penggunaan kata **meninggal dunia** digunakan untuk menjaga hati lawan bicara yang terpaksa menerima hakikat tentang kematian tersebut. Jika perkataan asal, iaitu **mati** yang digunakan, pendengar akan menjadi lebih tertekan. Doktor telah meminimumkan kos bagi papa dengan menerangkan bahawa bayi tersebut telah meninggal dunia dan seterusnya menerangkan bahawa kecacatan yang dialami oleh bayi sangat berbahaya dan berisiko dan menjelaskannya dengan berhemah supaya tidak menambah kesedihan kepada papa.

Doktor telah mengamalkan Maksim Santun dengan memaksimumkan manfaat bagi papa dalam ujarannya. Doktor memberitahu papa tentang masalah yang dihadapi oleh bayi tersebut, iaitu kembar siam. Melalui ujaran doktor tersebut, beliau sebenarnya mahu menenangkan hati papa kerana jika anak tersebut selamat sekalipun, keadaan akan menjadi lebih rumit. Hal ini demikian, bayi tersebut kembar siam dan penjagaan untuk bayi tersebut memerlukan kesediaan dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak.

“Berapa lama lagi kamu nak menanti Maliana akan sedar? Kalau sedar pun, akak rasa tentu dia dah berubah akibat **tidur yang terlalu lama**,” sambung Mak Cik Noraini tanpa menyedari bahawa aku juga sedang mencuri dengar dengan jelas butir-butir perbualannya itu.

(H87/P4/B3)

Perkataan **tidur yang terlalu lama** yang digunakan dalam perbualan tersebut membawa maksud **koma**. Menurut *Kamus Dewan* Edisi Keempat, perkataan **koma** ditakrifkan sebagai keadaan tidak sedarkan diri untuk beberapa lama. Dalam ayat tersebut, mama yang koma dikatakan akan mengalami perubahan yang ketara jika telah sedar kerana pengaruh keadaan yang tidak normal, iaitu tidur yang terlalu panjang.

Perkataan **tidur yang terlalu lama** ialah unsur eufemisme kerana telah menggantikan perkataan asal yang tabu dan tidak sedap didengar, iaitu **koma**. Perkataan **koma** adalah perkataan yang kurang enak dituturkan dan didengar oleh pendengar. Dalam dialog tersebut, Mak Cik Noraini memainkan peranan sebagai pembicara dan papa sebagai lawan bicaranya. Mak Cik Noraini telah menepati Maksim Santun dengan meminimumkan kos bagi papa melalui ungkapan kata-kata sopannya bertujuan untuk menjaga hati papa yang juga merupakan majikannya.

Mak Cik Noraini juga telah memaksimumkan kos bagi papa apabila dia menjelaskan kepada papa bahawa isteri papa mungkin akan berubah apabila sudah sedar. Mak Cik Noraini bermaksud untuk menyuruh papa mencari pengganti mama kerana Mak Cik Noraini kasihan melihat papa yang sudah tidak terjaga akibat mama yang koma dalam jangka masa yang panjang.

Aku sedih kerana perhubunganku dengan Rasylan tidak direstui papa. Aku tahu pasti ada sebabnya. Apa yang papa sebutkan tadi hanyalah alasan yang tidak boleh disangkal lagi.

“Yang sudah tu sudahlah, tapi Rasylan tu baik orangnya, pa!” aku cuba lagi untuk memujuk papa yang aku tahu hatinya sekeras batu.

“**Memanglah baik kalau nak mengena!**”

“Mengapa papa tuduh dia macam tu? Papa tak kenal dia!”

(H123/P2/B1)

Ayat **memanglah baik kalau nak mengena** dalam perbualan tersebut membawa maksud **jahat**. Perkataan **jahat** dalam *Kamus Dewan* Edisi Keempat ditakrifkan sebagai orang yang buruk laku dan tidak baik. Makna dalam konteks ayat tersebut ialah seseorang yang melakukan sesuatu kebaikan tetapi sebenarnya berniat jahat. Ayat tersebut mengandungi unsur eufemisme kerana perkataan **jahat** yang kasar disebut dan kurang enak didengar diperhalus.

Papa yang bertindak sebagai penutur telah menepati Maksim Santun kerana papa telah menggunakan perkataan yang sopan untuk menjaga hati anaknya. Perbualan tersebut juga telah menepati Maksim Santun kerana papa telah meminimumkan kos bagi Julia dengan menggunakan perkataan yang berlapik walaupun dalam keadaan yang marah Papa menjaga perasaan lawan bicaranya serta menggunakan perkataan yang berlapik untuk memberi pengaruh yang lebih berkesan kepada anaknya.

Papa telah memaksimumkan kos bagi Julia dengan menyatakan maksud untuk menyedarkan Julia supaya berhati-hati dalam pergaulannya dengan lelaki yang bernama Rasylan kerana papa khawatir jika Rasylan hanya mahu mengambil kesempatan terhadap Julia. Papa juga bermaksud bahawa dia mengharapakan Julia memutuskan perhubungan dengan Rasylan kerana papa mempunyai sejarah hitam dengan keluarga angkat Rasylan. Papa juga berusaha untuk meminta Julia menjauhi Rasylan kerana Rasylan hanya anak angkat kepada musuhnya dan tidak diketahui asal usul remaja lelaki itu.

“Huh! Julia tu **masih mentah** lagi. Hari ini mungkin dia tak dapat menerimanya tetapi lambat-laun dia akan menerimanya juga!”

(H157/P1/B1)

Perkataan **masih mentah** dalam perbualan tersebut membawa maksud **kebudak-budakan**. *Kamus Dewan* Edisi Keempat menjelaskan bahawa perkataan **kebudak-budakan** adalah seperti budak-budak. Makna dalam konteks ayat tersebut ialah kelakuan seseorang yang masih tidak matang walaupun umur sudah semakin meningkat. Perkataan **masih mentah** ialah unsur eufemisme kerana telah menghaluskan perkataan **kebudak-budakan**. Jika perkataan tersebut tidak diperhalus, maka pastinya pendengar akan berasa kecewa dan marah.

Dalam perbualan tersebut, Mak Cik Noraini berperanan sebagai penutur dan papa sebagai pendengarnya. Ayat tersebut menepati Maksim

Santun kerana Mak Cik Noraini telah meminimumkan kos bagi papa dengan mempersoalkan hal kematangan anak majikannya dengan ayat yang lebih berhemah dan bersopan. Hal ini demikian, Mak Cik Noraini mahu menjaga perasaan majikannya di samping menyatakan isi hati dan perasaan sebenarnya kepada papa.

Mak Cik Noraini telah memaksimumkan manfaat kepada papa dengan mencadangkan papa mencari pengganti isterinya yang kini sedang koma dan tidak pasti bila akan sedar. Hal ini demikian kerana, jika papa berkahwin lagi papa akan dapat kembali seperti dahulu. Papa akan lebih terurus dan bahagia kerana akan ada orang yang menjaga makan minum serta pakai papa dengan baik seperti yang dilakukan oleh isterinya sebelum isterinya koma akibat keguguran.

“Awak sayangkan emak dan ayah awak, kan? Dengan membenarkan ayah awak **mencari kawan seorang lagi**, tidaklah bermakna awak tak sayangkan mereka.”

“Tapi saya tak boleh terima!” Julia bersuara agak lantang seakan menjerit.

(H163/P9/B2)

Perkataan **mencari kawan seorang lagi** dalam ayat tersebut membawa maksud **berkahwin lagi**. Makna dalam konteks ayat tersebut ialah membenarkan papa Julia untuk berkahwin seorang lagi supaya dapat menggantikan tempat mamanya yang sedang koma. Perkataan **mencari kawan seorang lagi** ialah unsur eufemisme kerana telah menghaluskan perkataan **berkahwin lagi**.

Dialog tersebut dituturkan oleh Rasydan kepada Julia semasa Julia meluahkan protesnya kepada Rasydan tentang isu poligami yang mahu dilakukan oleh papanya. Perbualan tersebut menepati Maksim Santun kerana Rasydan telah meminimumkan kos bagi Julia dengan menggunakan perkataan yang lebih sopan memandangkan isu yang diperkatakan adalah isu yang sangat sensitif terutama kepada Julia kerana dia juga wanita seperti mamanya, dan sudah pasti Julia turut merasakan kesedihan jika papanya berkahwin lain. Rasydan sedayanya cuba menjaga hati Julia dengan mengungkapkan perkataan yang sopan untuk menjaga emosi Julia.

Rasydan juga telah memaksimumkan manfaat bagi Julia dengan menjelaskan bahawa persetujuan Julia untuk mengizinkan papanya

berkahwin lagi tidak menjejaskan perasaan papa Julia terhadap Julia. Manfaat yang dimaksudkan Rasydan kepada Julia juga melibatkan hal peribadi papa Julia yang sememangnya memerlukan kasih sayang wanita yang sama seperti mamanya. Rasydan menjelaskan bahawa Julia sememangnya mampu mencurahkan kasih sayang kepada papanya namun, papanya memerlukan kasih sayang yang lain untuk bahagia semula.

“Masih sudikah awak berkawan dengan saya kalau saya ini anak haram hasil dari **perkongsian nafsu yang tidak terbatas?**” Dia bertanya. Masih perlahan juga.

Melihat keadaannya yang sungguh hiba begitu, aku juga jadi hiba tetapi aku tidak menangis. Perlahan-lahan aku mendekatinya. Kucapai tangan yang terletak di atas pehanya lalu kugenggam. Aku tak pandai meluahkan dengan kata-kata.

(H166/P3/B2)

Perkataan **perkongsian nafsu yang tidak terbatas** merujuk kepada **seks luar nikah**. Dalam *Kamus Dewan* Edisi Keempat, perkataan seks luar nikah dijelaskan sebagai seks bebas yang bermaksud hubungan seks tanpa ikatan perkahwinan yang sah. Perkataan **perkongsian nafsu yang tidak terbatas** dalam ayat tersebut ialah unsur eufemisme kerana telah menghaluskan perkataan kasar, iaitu **seks luar nikah**.

Perbuatan tersebut berlaku antara Rasydan sebagai penutur dengan Julia yang bertindak sebagai pendengar. Ayat tersebut menepati Maksim Santun kerana Rasydan menggunakan perkataan yang bersopan dan berlapik apabila dia menjelaskan isu yang sensitif, iaitu tentang seks sebelum berkahwin yang merupakan suatu perbuatan yang hina di sisi agama dan masyarakat. Isu yang tidak sesuai dengan usia mereka yang masih muda remaja. Rasydan mengungkapkan ayat tersebut dengan menggunakan perkataan yang penuh hemah untuk menjaga hati Julia.

Rasydan telah memaksimumkan manfaat kepada Julia dengan memberitahu Julia perkara sebenar walaupun agak sulit untuk dia meluahkan kebenaran bahawa dia hasil daripada seks bebas dan anak luar nikah. Julia mendapat manfaat melalui kata-kata Rasydan kerana pemikiran Julia dapat diselamatkan daripada pencemaran dan kotoran perkara-perkara yang tidak perlu dan tidak sesuai untuk difikirkan mahupun didengar. Julia juga mendapat manfaat daripada Rasydan bahawa dia mampu menerima

Rasylan walaupun sudah mengetahui siapa Rasylan sebenarnya dan dari mana asal usul Rasylan.

“Pa... mama **dah tak ada!** Mama dah tinggalkan kita!!”

Perlahan-lahan papa mengangkat mukanya dan membetulkan letak tangan mama seperti seorang yang sedang bersembahyang. Kemudian papa memandangkanku. Aku lihat kelopak mata papa berair dan air itu akhirnya jatuh menuruni pipinya. Hidung papa juga merah. Aku tahu, kali ini papa tewas jua dan sejak kehadiranku ke dunia ini dia yang terlalu berkeras untuk tidak mengalirkan air matanya, kini telah kalah ...

(H223/P6/B1)

Perkataan **dah tak ada** dalam ayat perbualan tersebut merujuk kepada perkataan **mati** yang ditakrifkan sebagai tidak hidup lagi. Makna dalam konteks ayat tersebut ialah mama telah mati dan pergi meninggalkan mereka buat selama-lamanya. Perkataan **dah tak ada** dalam ayat tersebut merupakan unsur eufemisme yang telah menggantikan perkataan asalnya yang kasar, iaitu **mati**.

Perbualan tersebut berlaku antara Julia dan papanya semasa mama menghembuskan nafas yang terakhir setelah kecewa apabila mendapat tahu bahawa papa berkahwin lain dan madu mama itu hamil anak pertama. Mama yang terlalu marah dan kecewa tidak dapat mengawal pernafasannya dan dengan izin yang Maha Kuasa, mama meninggal dunia. Julia telah menepati Maksim Santun kerana dalam perbualan tersebut kerana telah meminimumkan kos bagi papa dengan memberitahu papa bahawa wanita yang papa cintai telah mati dengan menggunakan perkataan yang sangat sopan dan berlipik untuk menjaga emosi papa.

Julia telah memaksimumkan manfaat bagi papa apabila memberitahu papa bahawa mama telah mati dan papa perlu menerima hakikat tersebut dengan tenang. Kata-kata Julia telah menyedarkan papanya bahawa insan yang dicintai papa sudah tiada kerana kekecewaan yang teramat sangat dengan tindakan papa yang menduakan mama dan mengambil kesempatan terhadap keadaan mama yang tidak mengizinkan. Papa juga mendapat manfaat daripada kata-kata Julia, ego papa akhirnya runtuh.

Seterusnya, Jadual 5 menunjukkan analisis dapatan kajian berdasarkan Prinsip Kesopanan Leech yang melibatkan penggunaan unsur eufemisme

dalam pengucapan watak-watak atau dialog yang terdapat dalam novel *Azfa Hanani* yang menepati Maksim Santun dalam prinsip Kesopanan Leech (1990).

Jadual 5 Dapatan kajian berdasarkan Maksim Santun dalam novel *Azfa Hanani*.

Bil.	Unsur Eufemisme	Kata-kata Asal
1	tak sebulu	tidak suka
2	disemadikan	dikebumikan
3	sudah tiada lagi	sudah mati
4	sembur	maki
5	kecil hati	kecewa
6	meninggal dunia	mati

Yang berikut dihuraikan dan dijelaskan dialog-dialog yang mengamalkan Maksim Santun dalam Prinsip Kesopanan Leech (1993) yang diteliti wujud dalam novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah.

“Eleh, berlagak! Depan Cikgu Ramzan tadi, teragak-gagap.”

Ketika aku melabuhkan punggung selepas menjawab soalan Cikgu Sani, copeng telinga tertangkap kata-kata kurang enak itu. Biarpun perlahan, suara Laili jelas kudengar. Darahku berderau. Aku bukan mahu berlagak, tetapi ia sesuatu yang wajar dilakukan. Wajah Laili yang duduk di meja bersebelahan kukerling seimbis.

“Jangan ambil hati, Nini. Laili tu memang sejak dulu **tak sebulu** dengan Murni,” bisik Ellina.

Aku hanya mampu mengetap bibir.

(H57/P4/B1)

Perkataan **tak sebulu** dalam ayat perbualan tersebut merujuk kepada **tak suka** yang lebih menjurus kepada perasaan benci kepada seseorang. Perkataan **tak sebulu** juga bermaksud perihal seseorang yang tidak sehaluan

dengan cara hidup orang yang tidak disukai itu. Perkataan tersebut ialah unsur eufemisme kerana telah menghaluskan perkataan asalnya, iaitu **tak suka**.

Dalam ayat tersebut, Ellina bertindak sebagai penutur dan Azfa Hanani sebagai pendengarnya. Ayat tersebut menepati Maksim Santun kerana Ellina telah meminimumkan kos bagi Azfa Hanani dengan menggunakan perkataan yang bersantun untuk menjaga dan memujuk hati Azfa Hanani yang berang dengan ejekan watak jahat, Laili.

Ellina telah memaksimumkan manfaat bagi Azfa Hanani yang berlakon sebagai Tengku Murni atau Nini dengan menjelaskan bahawa Azfa Hanani tidak bersalah kerana Laili terbawa-bawa perasaan tidak puas hatinya kepada arwah Tengku Murni kepada Azfa Hanani. Hal ini demikian, wajah Azfa Hanani yang saling tak tumpah dengan wajah arwah Tengku Murni yang menjadi kebencian kepada Laili satu ketika dahulu semasa Tengku Murni masih hidup.

“Sebab kami rasa Nini tak perlu tahu. Tak penting sebab jenazah Murni pun dah selamat **disemadikan**,” jawab Kak Finaz.

“Betul ke dia tu Murni, kak?”

“Betullah. Papa, Abang Ran dan Abang Muz yang sahkan. Nini janganlah bimbang sangat. Tanda-tanda pengenalan Murni ada di tempat terlindung. Mama tak akan dapat tengok.”

Kata perempuan itu lagi, sekali gus merawat gusarku kalau-kalau Datin Maziah inginkan kepastian, apakah aku ini benar-benar anak kandungnya.

(H64/P2/B2)

Perkataan **disemadikan** dalam ayat perbualan tersebut merujuk kepada **dikebumikan** yang ditakrifkan sebagai menanam atau menguburkan. Makna dalam konteks ayat tersebut adalah, mengebumikan seseorang dengan baik dan sempurna caranya serta mengikut adat agama. Perkataan **disemadikan** ialah unsur eufemisme kerana telah menghaluskan lagi perkataan **dikebumikan**.

Perbualan tersebut berlaku antara Kak Finaz dan watak utama dalam novel, iaitu Azfa Hanani. Perbualan tersebut menepati Maksim

Santun kerana Kak Finaz menggunakan perkataan yang sopan dalam percakapannya. Penggunaan perkataan **disemadikan** lebih halus daripada perkataan **dikebumikan**. Kak Finaz telah meminimumkan kos bagi Azfa Hanani dengan menjelaskan perkara sebenar tentang konflik kehilangan kad pengenalan arwah Tengku Murni dengan tenang serta mengamalkan perkataan yang berlapis. Hal ini demikian, Kak Finaz mahu menjaga perasaan Azfa Hanani yang kelihatan kalut apabila mengetahui tentang kehilangan kad pengenalan tersebut.

Kak Finaz telah memaksimumkan manfaat bagi Azfa Hanani apabila mengamalkan Maksim Santun dalam perbualannya dengan Azfa Hanani. Kak Finaz memberi keyakinan kepada Azfa Hanani bahawa mayat tersebut sememangnya Tengku Murni walaupun ketika itu pengesahan dilakukan tanpa kad pengenalan si mati. Selain itu, Azfa Hanani mendapat manfaat daripada Kak Finaz bahawa kad pengenalan arwah Tengku Murni tidak akan menjadi pertikaian Datin Maziah. Azfa Hanani juga berasa lega dengan penjelasan Kak Finaz sekali gus menepis sangkaan buruknya tentang tindak-tanduk Datin Maziah yang tidak boleh dijangka itu.

“Pada saya, Hanani tetap Hanani. Murni **sudah tiada lagi**.”

(H108/P1/B1)

Perkataan **sudah tiada lagi** dalam ayat perbualan tersebut merujuk kepada perkataan **sudah mati** yang ditakrifkan sebagai sudah tidak hidup lagi. Makna dalam konteks ayat tersebut ditujukan kepada Murni yang telah mati akibat kemalangan yang tragis. Perkataan **sudah tiada lagi** ialah unsur eufemisme kerana menghaluskan perkataan asal yang tidak sedap didengar, iaitu **sudah mati**.

Perbualan tersebut berlaku antara Ekran dan Azfa Hanani sebagai pembicara dan lawan bicaranya. Perbualan tersebut menepati Maksim Santun kerana Ekran telah meminimumkan kos bagi Azfa Hanani dengan mengujarkan kata-kata yang sopan untuk menjaga hati Azfa Hanani. Ekran seolah-olah memujuk dan menenangkan perasaan Azfa Hanani dalam kata-kata santunnya.

Ekran telah memaksimumkan manfaat bagi Azfa Hanani dengan menjelaskan bahawa Ekran tidak berkawan dengan Azfa Hanani kerana Tengku Murni yang dahulu pernah akrab dengannya. Azfa Hanani mendapat manfaat daripada kata-kata santun Ekran sekali gus membebaskan Azfa Hanani daripada Tengku Murni yang selama ini menjadi bayangan dalam hidup Azfa

Hanani. Ekran juga telah memberi manfaat kepada Azfa Hanani melalui bicaranya bahawa dia ikhlas berkawan dengan Azfa Hanani dan menerima Azfa Hanani seadanya, bukan kerana Tengku Murni.

“Ayah Laili pernah dermakan RM 10 000 kepada persatuan untuk modal projek Hari Sumbangsih dulu. Kalau tak kerana budi Datuk Minhad, saya pun nak ‘sembur’ dia juga,” terang Ekran.

Alahai, padanlah! Persatuan Murid Tingkatan Lima Sekolah Menengah Taman Sri sudah termakan budi rupanya.

(H113/P3/B4)

Perkataan **sembur** dalam ayat perbualan tersebut merujuk kepada perkataan **maki** yang ditakrifkan sebagai kata yang kasar dan keji untuk menghina. Makna dalam konteks ayat tersebut terdiri daripada kata-kata yang tidak enak didengar bertujuan untuk memberi kesedaran kepada Laili yang terlalu bongkak. Perkataan **sembur** dalam ayat tersebut ialah unsur eufemisme kerana telah menghaluskan perkataan **maki** yang lebih kasar jika dituturkan.

Perbualan berlangsung antara Ekran yang bertindak sebagai penutur dan Azfa Hanani sebagai pendengarnya. Perbualan tersebut menepati Maksim Santun kerana Ekran telah meminimumkan kos bagi Azfa Hanani apabila menggunakan perkataan yang lebih halus, iaitu **sembur** untuk menjaga perasaan Azfa Hanani.

Ekran telah memaksimumkan manfaat bagi Azfa Hanani apabila mengujarkan kata-katanya tentang Laili kepada Azfa Hanani dengan memberitahu Azfa Hanani secara tidak langsung, sebab tindakan Laili yang melampau tidak mendapat tindakan dan teguran daripada mana-mana pihak mahupun Ekran selaku pengerusi persatuan tersebut. Laili dan rakan-rakannya telah melanggar etika dengan campur tangan dalam slot Malam Sumbangsih yang sepatutnya dikendalikan oleh pelajar-pelajar Tingkatan Lima Sastera II. Tindakan Laili itu atas alasan bahawa pelajar-pelajar yang telah ditugaskan itu tidak pandai membuat kerja dan dikhuatiri tidak memberi kepuasan kepada penonton.

Kalau memang sudah tentu pertemuan itu tidak dapat diaturkan, lebih elok lagi kurasa kalau Pak Long, Zuriani dan Abang Norman menaiki pesawat yang mendarat ke Singapura. Dari situ, mereka

akan lebih cepat sampai ke rumah. Aku pula tidak kempunan. Terfikir juga, alangkah eloknya kalau aku sendiri yang mengatur pertemuan itu sejak lama dahulu.

Namun, terdetik dalam hati ini, aku perlu banyak bersyukur. Aku perlu menghargai budi baik dan jasa Abang Mazran, Kak Finaz dan Abang Norman. Dengan nikmat Tuhan, mereka telah banyak membantu kami sekeluarga. Tidak lama lagi, talian telefon akan disambung ke teratak buruk itu. Rinduku sedikit sebanyak akan terubat.

“Nini **kecil hati** ke?” tersedar aku terdiam agak lama, Kak Finaz mengusul.

Aku menggeleng. Bukan kerana jawapannya, tidak. Aku Cuma tidak tahu bagaimana hendak meluahkannya.

(H164/P3/B1)

Perkataan **kecil hati** dalam ayat perbualan tersebut merujuk kepada **kecewa** yang ditakrifkan sebagai perasaan dukacita kerana tidak tercapai harapan. Makna dalam konteks ayat tersebut ialah, Azfa Hanani berasa hampa kerana tidak dapat bersua muka dengan insan yang dirindunya. Perkataan **kecil hati** ialah unsur eufemisme kerana telah menghaluskan lagi perkataan **kecewa**.

Dalam perbualan tersebut, Kak Finaz bertindak sebagai penutur dan Azfa Hanani sebagai pendengar. Perbualan tersebut menepati Maksim Santun kerana Kak Finaz telah meminimumkan kos bagi Azfa Hanani dengan menjaga hati Azfa Hanani daripada terguris dengan kata-kata santun untuk memujuk Azfa Hanani yang terkilan kerana tidak dapat berjumpa dengan keluarga sepupunya.

Kak Finaz telah memaksimumkan manfaat bagi Azfa Hanani dengan menjelaskan situasi sebenar tentang sebab keluarga sepupunya tidak dapat bersua muka dengan Azfa Hanani. Kak Finaz juga memujuk Azfa Hanani supaya bersabar menunggu hari cuti semester untuk dibawa pulang ke kampung berjumpa dan melepaskan rindu kepada keluarganya nanti. Pujukan Kak Finaz juga memberi manfaat kepada Azfa Hanani kerana jika Azfa Hanani berkeras mahu berjumpa keluarganya, dia tidak sempat mengambil ujian bahasa Jepun dan sia-sia sahajalah usahanya belajar bahasa asing tersebut selama beberapa bulan.

Murni ialah teman akrab saya. Atas suatu sebab yang tak dapat saya beritahu, kami berpisah. Murni sungguh kecewa dan kali terakhir kami bertemu, dia tertinggal beg duit itu. Pada hari itu juga, dia terlibat dalam kemalangan dan **meninggal dunia**.

(H182/P6/B5)

Perkataan **meninggal dunia** dalam ayat perbualan tersebut merujuk kepada perkataan **mati** yang membawa maksud tidak hidup lagi. Makna dalam konteks ayat tersebut ialah Murni telah mati disebabkan oleh kemalangan yang dialaminya. Perkataan **meninggal dunia** merupakan unsur eufemisme kerana telah menghaluskan perkataan **mati** yang kasar.

Perbualan tersebut melibatkan Ekran dan Azfa Hanani yang terdesak berlakon sebagai Tengku Murni yang telah mati untuk menjaga hati Datin Maziah, iaitu ibu kepada Tengku Murni yang tidak dapat menerima kenyataan tentang kematian anak gadis tunggal kesayangannya itu. Perbualan tersebut menepati Maksim Santun kerana Ekran telah meminimumkan kos bagi Azfa Hanani dengan menjelaskan tentang perkara sebenar berkaitan misteri kehilangan kad pengenalan dan kad bank arwah Tengku Murni dengan menggunakan perkataan-perkataan yang sopan untuk menjaga perasaan Azfa Hanani.

Ekran telah memaksimumkan manfaat ujarannya bagi Azfa Hanani dengan membongkarkan misteri kehilangan tanda-tanda pengenalan arwah Tengku Murni sekali gus menjawab persoalan yang selalu bermain dalam minda Azfa Hanani semenjak dia mengetahui berita kehilangan barang-barang tersebut. Azfa Hanani mendapat manfaat lain, iaitu dia mengetahui kisah sebenar tentang Ekran dan Tengku Murni berkaitan hubungan akrab mereka berdua. Azfa Hanani juga mengetahui sebab yang menghalang perhubungan Ekran dan Tengku Murni, iaitu abang Murni, Tengku Muzafar yang menghalang perhubungan tersebut. Tengku Murni yang kecewa dengan perkara tersebut telah terlibat dalam kemalangan yang meragut nyawanya semasa perjalanan pulang ke rumahnya.

KESIMPULAN

Kesantunan berbahasa sangat berkait rapat dengan unsur eufemisme. Masing-masing bertanggungjawab menjaga nilai khususnya ujaran yang dituturkan untuk menjaga adab sopan pembicara dan lawan bicaranya.

Unsur eufemisme juga menepati Maksim Santun Leech yang menjelaskan bahawa Maksim Santun adalah cara meminimumkan kos untuk orang lain dan memaksimumkan manfaat untuk orang lain. Maksim ini menggalakkan ungkapan pendapat yang beradab.

Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh, terdapat banyak penggunaan unsur eufemisme dalam kedua-dua buah novel yang dikaji dalam kajian ini. Penulis novel menulis menggunakan unsur eufemisme dalam menggantikan perkataan-perkataan yang dianggap kasar yang boleh mempengaruhi emosi pendengar.

Hasil dapatan kajian di atas jelas menunjukkan bahawa penggunaan unsur eufemisme dalam novel *Azfa Hanani* lebih kerap digunakan oleh penulis berbanding dengan novel *Papa*, iaitu masing-masing sebanyak 32.9 peratus dan 67.1 peratus. Penggunaan unsur eufemisme dalam novel *Azfa Hanani* didapati lebih ketara banyaknya berbanding dalam novel *Papa*. Hal ini demikian, faktor persekitaran penggunaan novel *Papa* itu sendiri. Novel *Papa* lebih bersifat terbuka berbanding novel *Azfa Hanani*. Novel *Papa* secara keseluruhannya berlatarbelakangkan masyarakat yang serba moden berbanding novel *Azfa Hanani* yang lebih berlatarbelakangkan ketimuran. Oleh itu, novel *Papa* lebih bersifat terbuka dari segi penulisan ayat-ayatnya berbanding dengan novel *Azfa Hanani* yang lebih banyak menekankan unsur kekampungan dalam penulisan novel tersebut.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa unsur eufemisme sangat penting dalam penulisan karya kreatif kerana unsur tersebut mampu memberi kesan positif dan mempengaruhi pembaca khususnya pelajar yang terdiri daripada golongan remaja. Penulis, pelajar, guru, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan pengkaji perlu memainkan peranan masing-masing dalam usaha untuk mendedahkan kepentingan penggunaan unsur eufemisme dalam karya kreatif. Hal ini kerana, penulisan yang baik akan mempengaruhi pembaca secara tidak langsung.

Kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar hari ini berada pada tahap yang membimbangkan kerana adab dan budaya sopan santun sudah dicemari oleh ledakan globalisasi, iaitu pengaruh budaya asing yang tiada sekatan dan sempadan. Oleh itu, penggunaan unsur eufemisme mampu membantu pelajar mengadaptasi nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian dengan memilih kata-kata yang lebih santun.

Diharapkan kajian ini memberi sumbangan kepada dunia pendidikan terutama untuk membina budaya sopan santun dan berbudi bahasa di sekolah dan dalam masyarakat secara keseluruhannya.

RUJUKAN

- Abdul Chaer, 1995. *Semantik Bahasa Indonesia*. Jakarta: Penerbit Rineka.
- Arif Mohamad & Siti Khariah Mohd. Zubir, 2009. *Kesusasteraan dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Leech, Geoffrey, 1993. *Prinsip Pragmatik*. Diterjemah oleh Azhar Simin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gorys Keraf, 2005. *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: Pt. Gramedia Pustaka Utama.
- Keris Mas, 1988. *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Hashim Md. Nor, 2001. *Analisis Penggunaan Kata Pelengkap dalam Novel Perlumbaan Kedua*. Tesis Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu, UPSI; Tanjung Malim.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, 2005. *Stilistik Komsas*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Fazilah Nata, 2001. *Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Novel Terminal Tiga: Suatu Analisis Makna*. Tesis Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu, UPSI: Tanjung Malim.
- Rahman Shaari, 1993. *Memahami Gaya Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roslah Yaacob, 2002. "Binaan 'dengan' dalam Novel *Aku Anak Timur: Satu Analisis Sintaksis dan Semantik*". Tesis Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu, UPSI: Tanjung Malim.
- Syarul Ainul Mardziah, 2002. "Analisis Penggunaan Penjodoh Bilangan Berserta Unsur Pemandan dalam Novel *Di Hadapan Pulau*". Tesis Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu, UPSI: Tanjung Malim.
- Teo Kok Seong, 1995. "Tahu Bahasa/Tak Tahu Bahasa: Persoalan Bahasa Budaya dan Komunikasi" dlm. Hanapi Dollah & Lokman Mat Zen (ed.) *Kebudayaan Melayu di Ambang Abad Baru: Satu Himpunan Makalah*. Bangi: Penerbit UKM.
- Zuraidah Jantan, 2009. *Unsur Eufemisme dalam Novel Melayu: Satu Manifestasi Kesopanan Bahasa*. Kuala Lumpur: ASWARA.
- Zaidi Ismail, 2005. "Eufemisme dalam Bahasa Indonesia" dlm. *Dewan Bahasa*, 5 (5). 54–57.